PEJABAT KETUA HAKIM SYARIE NEGERI PULAU PINANG
No. 3, Jalan Batu Gantung, 10450 Pulau Pinang
Tel.: 04-830 7777 Faks: 04-830 7899/ 04-830 7813
http://www.jksnpp.gov.my

Ruj. Kami : JKSPP.600 -1/3/2 Jld.2 (2)
Tarikh : 04 November 2026
24 Jamadilawal 1448H

Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
Ketua Pendaftar
Hakim Mahkamah Rendah Syariah
Pendaftar/ Penolong Pendaftar
Bahagian Sokongan Keluarga (BSK)

Yang Arif/ Tuan/ Puan,

PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BILANGAN 2 TAHUN 2026
GARIS PANDUAN PENYALURAN PENDAHULUAN DAN BANTUAN NAFKAH BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA (BSK)
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI PULAU PINANG (JKSNPP)

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif/ Tuan/ Puan kepada keputusan Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Bilangan 2 Tahun 2026 pada 30 Oktober 2026 telah bersetuju dan mengesahkan untuk mengguna pakai Garis Panduan Penyaluran Pendahuluan dan Bantuan Nafkah Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang (JKSNPP) seperti di **Lampiran A**.

Arahan ini berkuat kuasa serta-merta.

(YANG AMAT ARIF DATO' ZA'IM BIN MD YUDIN)
Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah
Negeri Pulau Pinang

LAMPIRAN A

GARIS PANDUAN
PENYALURAN PENDAHULUAN DAN BANTUAN NAFKAH
BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA (BSK)
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI PULAU PINANG (JKSNPP)

1. TUJUAN

Garis Panduan Penyaluran Pendahuluan dan Bantuan Nafkah Bahagian Sokongan Keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang (BSK JKSNPP) diwujudkan berdasarkan Garis Panduan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) bagi memberikan panduan kepada Jawatankuasa Akaun Amanah BSK Seksyen Negeri Pulau Pinang dalam menyalurkan pendahuluan/ bantuan nafkah kepada penerima yang layak.

Pendahuluan dan Bantuan nafkah BSK merupakan perkhidmatan sokongan bantuan kewangan sementara menanti tindakan penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah nafkah anak di Mahkamah Syariah selesai atau tunggakan dibayar oleh bekas suami/ bapa, yang mana terdahulu.

2. KRITERIA DAN CIRI-CIRI KELAYAKAN PEMOHON PENDAHULUAN/ BANTUAN NAFKAH BSK

2.1. Kriteria dan ciri-ciri kelayakan pemohon pendahuluan/ bantuan nafkah BSK adalah berdasarkan perenggan 14 dan 15 Garis Panduan Unit Pengurusan Dana BSK JKSM.

2.1.1 Kriteria dan ciri-ciri kelayakan permohonan pendahuluan nafkah adalah seperti berikut:

a. Pemiutang Penghakiman adalah beragama Islam;

b. Pemiutang Penghakiman telah memperoleh perintah dari mana-mana Mahkamah Syariah di Negeri Pulau Pinang;

c. Pemiutang Penghakiman adalah domisil/pemastautin di negeri di mana permohonan pendahuluan nafkah dilakukan;

d. Pemiutang Penghakiman bersedia untuk memfailkan permohonan penguatkuasaan dan perlaksanaan perintah Mahkamah Syariah atau tindakan penguatkuasaan telah dimulakan;

e. Pemiutang Penghakiman bersetuju untuk memberi kerjasama dalam memastikan tindakan yang sewajarnya dapat diambil terhadap penghutang penghakiman;

f. Penghutang Penghakiman, Pemiutang Penghakiman, warisnya dan/atau hartanya dapat dikesan; dan

g. Terdapat kepercayaan yang munasabah bahawa Penghutang Penghakiman berkemampuan untuk membayar semula pendahuluan nafkah yang disalurkan kepada Pemiutang Penghakiman.

2.1.2 Kriteria dan ciri-ciri kelayakan permohonan bantuan nafkah adalah seperti berikut:

a. Kes telah didaftarkan di BSK; dan

b. Pemiutang Penghakiman tidak berkemampuan atau berada di bawah had kifayah; atau

c. Penghutang Penghakiman telah diisytiharkan muflis; atau

d. Penghutang Penghakiman telah hilang keupayaan untuk bekerja; atau

e. Penghutang Penghakiman berada dalam kategori asnaf; atau

f. Penghutang Penghakiman mengalami keilatan kekal fizikal atau mental; atau

g. Penghutang Penghakiman sedang berada di dalam penjara; atau

h. Penghutang Penghakiman telah meninggal dunia; atau

i. Penghutang Penghakiman, warisnya dan/atau hartanya gagal dikesan dan dihubungi.

2.2. Pendahuluan nafkah BSK adalah tertakluk kepada bayaran balik manakala bantuan nafkah BSK tidak tertakluk kepada bayaran balik.

2.3. Bagi penentuan had kifayah, rujukan hendaklah dibuat kepada Zakat Negeri Pulau Pinang di mana permohonan bantuan nafkah dikemukakan.

2.4. Permohonan hanya boleh dibuat sekali sahaja atas nama Pemohon.

2.5. Walau apa pun kriteria dan ciri-ciri kelayakan pemohon pendahuluan/ bantuan nafkah BSK, Jawatankuasa Akaun Amanah BSK berhak untuk mengecualikan pemakaian mana-mana kriteria bagi pertimbangan untuk kelulusan mengikut setiap kes secara berasingan.

3. KADAR BAYARAN PENDAHULUAN NAFKAH BSK

3.1. Kadar bayaran pendahuluan nafkah adalah tertakluk kepada perintah nafkah anak sepertimana yang telah diputuskan oleh Mahkamah.

3.2. Kadar bayaran bagi perintah nafkah yang diputuskan secara penghakiman persetujuan, kadar bayaran pendahuluan adalah seperti berikut –

Bilangan Anak	Kadar Bayaran Pendahuluan Nafkah (RM)
1	460
2	660
3	800
4 dan ke atas	1060

3.3. Kadar yang dicadangkan adalah berpandukan kepada Arahan Amalan No. 5 Tahun 2019 "Garis Panduan Skala Pentaksiran Jumlah Nafkah Anak" berdasarkan pendapatan bapa sebulan RM2,000.00 dengan peratus kadarnya sebanyak 23%, 33%, 40% dan 53%.

4. KADAR BAYARAN BANTUAN NAFKAH BSK

4.1. Kadar bayaran kepada pemohon bantuan nafkah BSK adalah bermula daripada **RM1,000.00** bagi setiap pemohon bagi **kes tunggakan nafkah isteri** dan sebanyak **RM1,000.00** bagi kes **tunggakan nafkah anak** bagi seorang anak tiada had maksimum dibayar kepada pemohon mengikut budi bicara Jawatankuasa Akaun Amanah.

4.2. Bantuan nafkah akan dibayar mengikut cara dan tempoh masa yang bersesuaian kepada penerima bantuan nafkah yang layak setelah dipertimbangkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Akaun Amanah Pengurusan BSK Seksyen Negeri Pulau Pinang.

4.3. Illustrasi bagi kadar bayaran bantuan nafkah BSK kepada pemohon yang mempunyai kes tunggakan nafkah isteri dan anak adalah seperti berikut -

Pemohon	Bilangan Anak	Tambahan	Jumlah Bantuan Nafkah
RM1,000.00	2	RM2,000.00	RM1,000.00 + RM2,000.00 = RM3,000.00

4.4. Kadar bayaran kepada pemohon bantuan nafkah BSK dengan kes **tunggakan nafkah anak** adalah sebanyak **RM1,000.00** bagi setiap orang anak tiada had maksimum dibayar kepada pemohon mengikut budi bicara Jawatankuasa Akaun Amanah.

4.5. Illustrasi bagi kadar bayaran bantuan nafkah BSK kepada pemohon dengan tiga (3) orang anak yang mempunyai kes-kes tunggakan nafkah anak adalah seperti berikut –

Bilangan Anak	Jumlah Bantuan Nafkah
3	RM1,000.00 x 3= RM3,000.00

4.6. Pemohon bantuan nafkah dengan melebihi enam orang anak akan dibayar **kadar maksimum sebanyak RM5,000.00** sahaja mengikut cara dan tempoh masa yang bersesuaian.

5. KAEDAH PELAKSANAAN

5.1. Bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan pendahuluan nafkah BSK, bantuan nafkah tidak akan ditawarkan secara langsung kepada pemohon. Pemohon perlu memohon pendahuluan nafkah BSK untuk pertimbangan Jawatankuasa Akaun Amanah BSK Seksyen Negeri.

5.2. Sekiranya pemohon tidak memenuhi syarat kelayakan pendahuluan nafkah, BSK selaku urus setia kepada Jawatankuasa Akaun Amanah BSK Seksyen Negeri, boleh mengemukakan syor supaya pemohon dibayar bantuan nafkah tanpa perlu dibayar balik.

6. PENGECUALIAN

6.1. Jawatankuasa Akaun Amanah BSK Seksyen Negeri Pulau Pinang berhak untuk mengecualikan pemakaian sebarang perenggan Garis Panduan ini.

Disediakan Oleh:
Unit Pengurusan Dana
Bahagian Sokongan Keluarga
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri
Pulau Pinang